

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta 328**

**AKTA KEWANGAN 1986**

Tarikh Persetujuan Diraja 29hb Disember 1986

Tarikh diterbitkan dalam  
*Warta* ... .. 31hb Disember 1986

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 328

### AKTA KEWANGAN 1986

#### SUSUNAN SEKSYEN

##### BAB I

##### PERMULAAN

##### Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Pindaan bagi Akta-Akta dan Ordinan-Ordinan.

##### BAB II

##### PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

3. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.
4. Pindaan seksyen 2.
5. Pindaan seksyen 4A.
6. Pindaan seksyen 15.
7. Pindaan seksyen 15A.
8. Pindaan seksyen 44.
9. Pindaan seksyen 60.
10. Pindaan seksyen 107A.
11. Pindaan seksyen 109.
12. Pindaan seksyen 109B.
13. Pindaan seksyen 120.
14. Pindaan seksyen 128.
15. Pindaan seksyen 153.
16. Pindaan Jadual 1.

**[Susunan Seksyen]**

4

AKTA 328

Seksyen

17. Pindaan Jadual 3.
18. Pindaan Jadual 5.
19. Pindaan Jadual 6.
20. Pindaan Jadual 7A.

**BAB III**

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI  
KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

21. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.
22. Pindaan seksyen 45.
23. Pindaan Jadual 2.
24. Pindaan Jadual 4.
25. Pindaan Jadual 5.

**BAB IV**

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI  
PEMINDAHAN SYER (SYARIKAT  
BERASASKAN TANAH) 1984

26. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984.
27. Pindaan seksyen 2.
28. Pindaan seksyen 4A.
29. Pindaan seksyen 5.
30. Pindaan Jadual 1.

**BAB V**

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA DUTI  
SEWA FILEM SINEMATOGRAF 1965

31. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Duti Sewa Filem Sinematograf 1965.
32. Pindaan seksyen 2.
33. Pindaan seksyen 13.
34. Pindaan seksyen 20.
35. Pindaan Jadual.

KEWANGAN

5

BAB VI

PINDAAN-PINDAAN KEPADA ORDINAN  
SETEM 1949

Seksyen

36. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Ordinan Setem 1949.
37. Pindaan seksyen 15.

BAB VII

PINDAAN-PINDAAN KEPADA ORDINAN  
SETEM (SABAH)

38. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Ordinan Setem (Sabah).
39. Pindaan seksyen 15.

BAB VIII


PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI  
JUALAN 1972

40. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Jualan 1972.
41. Pindaan seksyen 7.
42. Pindaan seksyen 11.
43. Pindaan seksyen 13.
44. Pindaan seksyen 24.
45. Pindaan seksyen 30.

BAB IX

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI  
PERKHIDMATAN 1975

46. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975.
47. Pindaan seksyen 16 (b).



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 328

## AKTA KEWANGAN 1986

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984, Akta Duti Sewa Filem Sinematograf 1965, Ordinan Setem 1949, Ordinan Setem (Sabah), Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

## BAB I

## PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan 1986 dan hendaklah berkuatkuasa atau disifatkan telah berkuatkuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984, Akta Duti Sewa Filem Sinematograf 1965, Ordinan Setem 1949, Ordinan Setem (Sabah), Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 adalah masing-masingnya dipinda mengikut cara yang masing-masingnya dinyatakan dalam Bab II, III, IV, V, VI, VII, VIII dan IX. Pindaan bagi Akta-Akta dan Ordinan-Ordinan. Akta 53, Akta 169, Akta 310, 45/65, 59/49, Sabah Bab 137, Akta 64 dan Akta 151.

BAB II

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI  
PENDAPATAN 1967

Mula  
berkuat-  
kuasanya  
pindaan-  
pindaan  
kepada  
Akta Cukai  
Pendapatan  
1967.

3. (1) Kecuali bagi seksyen 4, 5, 6, 7, 8, 10, 11, 12, 13, 15, 16, 18 dan 19 (*h*), peruntukan-peruntukan Bab ini hendaklah mempunyai kuatkuasa bagi tahun taksiran 1987 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya:

Dengan syarat bahawa seksyen 9 (*c*) dan (*e*) hendaklah terhenti daripada mempunyai kuatkuasa mulai dari—

(i) tahun taksiran 1988 jika premium kasar yang boleh diterima oleh penanggung insurans sepanjang tempoh asas bagi tahun taksiran 1986 mengenai semua polisi nyawa Malaysia yang berkuatkuasa di akhir tempoh itu, berjumlah lima puluh juta ringgit atau lebih;

(ii) tahun taksiran 1990 jika premium kasar yang boleh diterima oleh penanggung insurans sepanjang tempoh asas bagi tahun taksiran 1986 mengenai semua polisi nyawa Malaysia yang berkuatkuasa di akhir tempoh itu, berjumlah sepuluh juta ringgit atau lebih tetapi kurang daripada lima puluh juta ringgit; dan

(iii) tahun taksiran 1992 jika premium kasar yang boleh diterima oleh penanggung insurans sepanjang tempoh asas bagi tahun taksiran 1986 mengenai semua polisi nyawa Malaysia yang berkuatkuasa di akhir tempoh itu, adalah kurang daripada sepuluh juta ringgit.

(2) Seksyen 5, 7 dan 12 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 21hb Oktober 1983.

(3) Seksyen 4, 6, 10, 11, 13, 15 dan 18 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 24hb Oktober 1986.

(4) Seksyen 8 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1986.

(5) Seksyen 16 hendaklah disifatkan mempunyai kuatkuasa dari tahun taksiran 1984.

(6) Seksyen 19 (h) hendaklah mempunyai kuatkuasa bagi tahun taksiran 1988 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

4. Seksyen 2 Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan menggantikan tafsiran "approved loan" dalam subseksyen (1) dengan yang berikut :

Pindaan  
seksyen 2.  
Akta 53.

"approved loan" means—

- (a) any loan or credit made to the Government, State Government (including any loan or credit made to a person other than the Government or State Government where the loan or credit is guaranteed by the Government or State Government), local authority or statutory body; or
- (b) any loan or credit other than a loan or credit of the kind specified in paragraph (a), made to a person where the amount of such loan or credit exceeds two hundred and fifty million ringgit,

by a person not resident in Malaysia :

Provided that—

- (i) the loan or credit has been approved by the Minister of Finance; and
- (ii) the loan or credit agreement was executed in Malaysia or where the loan or credit agreement with the prior approval of the Minister was executed outside Malaysia;.

5. Seksyen 4A Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "film rentals" dalam perenggan (iii) perkataan-perkataan "where the duty is leviable under the Cinematograph Film Hire Duty Act 1965".

Pindaan  
seksyen 4A.

6. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (c) dengan yang berikut :

Pindaan  
seksyen 15.

"(c) if the interest or royalty is charged as an outgoing or expense against any income accruing in or derived from Malaysia."

Pindaan  
seksyen 15A.

7. Seksyen 15A Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "film rentals" dalam perenggan (c) perkataan-perkataan "where the duty is leviable under the Cinematograph Film Hire Duty Act 1965".

Pindaan  
seksyen 44.

8. Tafsiran "institution" dalam seksyen 44 (7) Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memotong perkataan "or" di akhir perenggan (c);

(b) dengan memasukkan perkataan "or" di akhir perenggan (d); dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan baru (e) yang berikut:

"(e) a Government-assisted institution engaged in socio-economic research;"

Pindaan  
seksyen 60.

9. Seksyen 60 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memotong perkataan "and" di akhir subperenggan (i) subseksyen (3) (b);

(b) dengan menggantikan subperenggan (ii) subseksyen (3) (b) dengan subperenggan (ii) baru yang berikut:

"(ii) an amount bearing the same proportion to the management expenses incurred during that period in connection with his life business as the aggregate mentioned in paragraph (a) bears to the total of that aggregate and the amount of gross premiums received by him during that period on account of all life policies in force at the end of that period; and";

(c) dengan memasukkan selepas subperenggan (ii) subseksyen (3) (b) subperenggan baru (iii) yang berikut:

"(iii) commissions paid in that period in connection with that business.";

(d) dengan menggantikan subperenggan (i) dan (ii) subseksyen (4) (b) dengan subperenggan (i) dan (ii) baru yang berikut:

"(i) an amount bearing the same proportion to the management expenses incurred

during that period in connection with the insurer's Malaysian life fund or in connection with that part of his life business which is carried on in Malaysia as the aggregate mentioned in paragraph (a) bears to the total of that aggregate and the amount of gross premiums received by him during that period on account of Malaysian life policies in force at the end of that period;

(ii) an amount bearing the same proportion to the head office expenses of the insurer incurred during that period in connection with his life business as the aggregate mentioned in paragraph (a) bears to the aggregate of the amount of gross income for that period from the investments out of the insurer's life fund, the amount of gross proceeds receivable in that period in connection with the realisation of those investments or any rights arising from them and the amount of gross premiums received by him during that period on account of all life policies in force at the end of that period; and"; dan

(e) dengan memasukkan selepas subperenggan (ii) subseksyen (4) (b) subperenggan baru (iii) yang berikut:

"(iii) commissions paid in that period in connection with the insurer's life business which is carried on in Malaysia."

**10.** Seksyen 107A Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan " , not being a payment that is a royalty within the meaning of section 2 (1)" dalam tafsiran "contract payment" dalam subseksyen (5).

Pindaan  
seksyen  
107A.

**11.** Seksyen 109 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "or to have a place of business in Malaysia" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "in Malaysia, other than interest or royalty attributable to a business carried on by such other person in Malaysia".

Pindaan  
seksyen  
109.

Pindaan  
seksyen  
109B.

12. Seksyen 109B Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "film rentals" dalam subseksyen (1) (c) perkataan-perkataan "where the duty is leviable under the Cinematograph Film Hire Duty Act 1965".

Pindaan  
seksyen  
120.

13. Seksyen 120 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memotong perkataan "or" di akhir perenggan (c);

(b) dengan menggantikan koma di akhir perenggan (d) dengan tanda dan perkataan "; or"; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan baru (e) yang berikut:

"(e) fails to comply with a direction given under section 107,".

Pindaan  
seksyen  
128.

14. Seksyen 128 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen (1) baru yang berikut:

"(1) Subject to this section, where an individual who is the owner of a residence occupies the residence as owner throughout the basis period for a year of assessment (that period and that year being referred to in this section as the relevant period and the relevant year respectively) or during any part of the relevant period, his gross income from the occupation for the relevant period or for that part of the relevant period, as the case may be, shall be disregarded for the purposes of this Act."

Pindaan  
seksyen  
153.

15. Seksyen 153 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "in paragraph 15 of Schedule 5" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "in this section";

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen baru (3), (4), (5), (6) dan (7) yang berikut:

"(3) For the purposes of this Act—

"accountant" means—

(a) a professional accountant authorized by or under any written law to be an auditor of companies;

(b) any other professional accountant approved by the Minister; or

(c) any other person approved by the Minister on the recommendation of the Director General.

(4) An application for an approval under subsection (3) (b) or (c) or for a renewal of such approval shall be made to the Minister.

(5) A fee as may be prescribed by the Minister by an order published in the *Gazette* shall be paid on the application for an approval or renewal of an approval under subsection (4).

(6) An approval or renewal of an approval under this section shall be valid for a period of twenty-four months beginning from the date of such approval or renewal.

(7) An approval granted by the Minister before the 24th October 1986 shall lapse on the 31st December 1987 unless a renewal of such approval is obtained under this section by that date.”.

16. Bahagian V Jadual I kepada Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “film rentals” dalam perenggan (iii) perkataan-perkataan “where the duty is leviable under the Cinematograph Film Hire Duty Act 1965”. Pindaan Jadual 1.

17. Jadual 3 kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “qualifying plantation expenditure” dalam perenggan 6 (b) dengan perkataan-perkataan “qualifying agriculture expenditure”. Pindaan Jadual 3.

18. Jadual 5 kepada Akta ibu adalah dipinda dengan memotong tafsiran “accountant” dalam perenggan 15. Pindaan Jadual 5.

19. Jadual 6 kepada Akta ibu adalah dipinda— Pindaan Jadual 6.

(a) dengan memotong perenggan 11;

(b) dengan menggantikan proviso kepada perenggan 13 dengan proviso baru yang berikut :

“Provided that—

(a) where a business is carried on by any such institution, trust body or body of persons, the income from the business shall be exempt from tax only if it is applied solely for charitable purposes and either—

(i) the business is carried on in the course of the actual carrying out of a primary purpose of the institution, trust or body of persons; or

(ii) the work in connection with the business is mainly carried on by persons for whose benefit the institution, trust or body of persons was established;

(b) the exemption under this paragraph shall not apply to income consisting of a dividend.”;

(c) dengan menggantikan perkataan “two” dalam perenggan 15 (1) (b) dengan perkataan “four”;

(d) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan 17 dengan noktah bertindih;

(e) dengan memasukkan selepas perenggan 17 proviso baru yang berikut :

“Provided that the exemption under this paragraph shall not apply to income consisting of a dividend.”;

(f) dengan menggantikan noktah di akhir perenggan 26 dengan noktah bertindih;

(g) dengan memasukkan selepas perenggan 26 proviso baru yang berikut :

“Provided that the exemption under this paragraph shall not apply to income consisting of a dividend.”; dan

(h) dengan memotong Bahagian II.

20. Jadual 7A kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan 7 dengan perenggan 7 baru yang berikut: Pindaan  
Jadual 7A.

“7. This Schedule shall not apply to a company—

(a) for the period during which the company—

*Act 327.*

(i) has been granted pioneer status under the Promotion of Investments Act 1986 in respect of a promoted activity or promoted product and which is applying or intends to apply for the grant of a pioneer certificate; or

(ii) has been granted pioneer certificate under the Promotion of Investments Act 1986 in respect of a promoted activity or promoted product and whose tax relief period has not ended or ceased;

(b) for the period prescribed under paragraph (b), (c) or (d) of section 29 (2) of the Promotion of Investments Act 1986 in respect of a promoted activity or promoted product for which the company has been granted approval under section 27 of that Act;

(c) for the year of assessment for which the company is given abatement of adjusted income under section 32, 33, 34 or 36 of the Promotion of Investments Act 1986; or

(d) for the period during which that company, notwithstanding the repeal of the Investment Incentives Act 1968,—

(i) has been given approval under section 5, 12A or 12B of that Act and whose tax relief period has not ended; or

- (ii) has been given approval under section 26 of that Act and incurs capital expenditure which qualifies for investment tax credit.”

BAB III

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI  
KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Mula  
berkuat-  
kuasanya  
pindaan-  
pindaan  
kepada  
Akta Cukai  
Keuntungan  
Harta  
Tanah 1976.

21. Peruntukan-peruntukan Bab ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 24hb Oktober 1986.

Pindaan  
seksyen 45.  
Akta 169.

22. Seksyen 45 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, adalah dipinda

(a) dengan menggantikan, noktah di akhir subseksyen (4) dengan noktah bertindih; dan

(b) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (4) proviso baru yang berikut:

“Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah boleh secara bertulis yang ditandatangani olehnya memberi kuasa kepada mana-mana Penolong Kanan Pengarah atau Penolong Pengarah Hasil Dalam Negeri (tertakluk kepada apa-apa kekecualian atau batasan yang terkandung dalam pemberian kuasa itu) untuk menjalankan tugasnya di bawah seksyen 39.”

Pindaan  
Jadual 2.

23. Perenggan (1) Jadual 2 kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan tafsiran “bank Islam” dalam subperenggan (1) dengan tafsiran “bank Islam” baru yang berikut:

“bank Islam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Bank Islam 1983 dan termasuklah seseorang yang menjalankan aktiviti-aktiviti bank atau pembiayaan mengikut Syariah.”

24. Jadual 4 kepada Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "yang adalah seorang warganegara atau seorang perseorangan yang bukan seorang warganegara tetapi adalah seorang pemastautin tetap" dalam perenggan 2. Pindaan  
Jadual 4.

25. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan Jadual 5 dengan Jadual 5 baru yang berikut: Pindaan  
Jadual 5.

JADUAL 5  
(Seksyen 4 dan 7 (4))  
KADAR-KADAR CUKAI

BAHAGIAN I

Kecuali jika Bahagian II adalah terpakai, maka kadar-kadar cukai yang berikut hendaklah terpakai:

Kategori pelupusan	Kadar cukai
Pelupusan dalam tempoh dua tahun selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai ... ..	20 peratus
Pelupusan dalam tahun ketiga selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai	15 peratus
Pelupusan dalam tahun keempat selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai	10 peratus
Pelupusan dalam tahun kelima selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai	5 peratus
Pelupusan dalam tahun keenam selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai atau tahun selepasnya itu ... ..	Tiada

BAHAGIAN II

Dalam hal di mana pelupus ialah suatu syarikat, maka kadar-kadar cukai yang berikut hendaklah terpakai:

Kategori pelupusan	Kadar cukai
Pelupusan dalam tempoh dua tahun selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai ... ..	20 peratus
Pelupusan dalam tahun ketiga selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai	15 peratus
Pelupusan dalam tahun keempat selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai	10 peratus
Pelupusan dalam tahun kelima selepas tarikh pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai atau tahun selepasnya itu ... ..	5 peratus".

BAB IV

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI  
PEMINDAHAN SYER (SYARIKAT  
BERASASKAN TANAH) 1984

Mula  
berkuat-  
kuasanya  
pindaan-  
pindaan  
kepada  
Akta Cukai  
Pemindahan  
Syer  
(Syarikat  
Berasaskan  
Tanah)  
1984.

26. Peruntukan-peruntukan Bab ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 24hb Oktober 1986.

Pindaan  
seksyen 2.  
Akta 310.

27. Seksyen 2 Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan menggantikan proviso pertama kepada takrif "syarikat berasaskan tanah" dalam subseksyen (1) dengan yang berikut:

"Dengan syarat bahawa sesuatu syarikat tidaklah boleh dianggap sebagai syarikat berasaskan tanah di mana tanah digunakan keseluruhannya dan terutamanya bagi maksud—

- (i) kilang, pejabat atau premis perniagaannya jika tiada bahagian daripada premis itu disewakan atau boleh didapati untuk disewakan (atau jika mana-mana bahagian disewakan atau boleh didapati untuk disewakan jumlah keluasan yang disewakan dan yang boleh didapati untuk disewakan itu tidak melebihi sepuluh peratus daripada keluasan kawasan binaan premis dalam perkarangan yang sama pada bila-bila masa sepanjang tempoh dua belas bulan sebelum sahaja tarikh pelupusan); atau
- (ii) bangunan hotelnya (termasuk tanah yang digunakan sebagai padang golf, gelanggang tenis, padang permainan kanak-kanak) jika tiada bahagian daripada bangunan hotel itu

disewakan atau boleh didapati untuk disewakan bagi aktiviti-aktiviti yang tidak ada hubungan dengan perniagaan hotelnya (atau jika disewakan atau boleh didapati untuk disewakan sedemikian jumlah keluasan yang disewakan dan yang boleh didapati untuk disewakan itu tidak melebihi sepuluh peratus daripada keluasan kawasan binaan bangunan hotel pada bila-bila masa sepanjang tempoh dua belas bulan sebelum sahaja tarikh pelupusan),

dan tanah yang digunakan sedemikian itu pada pendapat Ketua Pengarah tidak melebihi kehendak-kehendak biasa tetapi mencukupi dengan besarnya kilang, pejabat, premis perniagaan atau bangunan hotel atau jika tanah yang digunakan sedemikian itu terletak dalam kawasan perindustrian.”

28. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 4A dengan seksyen 4A baru yang berikut : Pindaan seksyen 4A.

“Pindahmilikan aset yang boleh dikenakan cukai di antara syarikat-syarikat dalam kumpulan yang sama atau dalam apa-apa skim reorganisasi, dsb.

4A. (1) Tertakluk kepada seksyen ini, jika dengan kelulusan Ketua Pengarah terlebih dahulu—

- (a) sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai dipindahmilikkan di antara syarikat-syarikat dalam kumpulan yang sama untuk menghasilkan kecekapan lebih baik dalam pengendalian dan di mana keempunyaan aset yang boleh dikenakan cukai itu tetap berada dengan kumpulan itu;
- (b) sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai dipindahmilikkan dengan apa-apa balasan di antara orang-orang dalam apa-apa skim reorganisasi, pembentukan semula atau penyatuan; atau
- (c) sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai dilupuskan oleh likuidator syarikat dan likuidasi syarikat itu dibuat di bawah suatu skim reorganisasi, pembentukan semula atau penyatuan,

pindahmilik itu tidaklah boleh dikira sebagai suatu pelupusan :

Dengan syarat bahawa tiada kelulusan boleh diberikan mengenai apa-apa pindahmilik atau pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai dalam mana-mana skim di bawah perenggan (b) atau (c) melainkan jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa aset yang boleh dikenakan cukai sedemikian itu dipindahmilik atau dilupuskan bagi melaksanakan mana-mana skim sedemikian itu yang secara langsung ada kaitan dengan apa-apa pemindahan pemilikan sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai sesuai dengan dasar Kerajaan mengenai penyertaan modal dalam perindustrian.

(2) Bagi maksud-maksud seksyen ini, sesuatu syarikat induk dan semua anak syarikatnya adalah menjadi suatu kumpulan dan, di mana suatu syarikat induk itu adalah anggota suatu kumpulan lain yang ia sendiri anak syarikat, kedua-dua kumpulan itu hendaklah dikira sebagai satu kumpulan bagi maksud-maksud itu.”.

Pindaan seksyen 5.

**29.** Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 5 dengan seksyen 5 baru yang berikut :

“Tarikh pelupusan.

5. (1) Suatu pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai hendaklah disifatkan telah berlaku—

- (a) jika ada suatu perjanjian bertulis atau selainnya bagi pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai, pada tarikh perjanjian tersebut; atau
- (b) jika tidak ada perjanjian, pada tarikh penyerahan aset yang boleh dikenakan cukai kepada pemeroleh :

Dengan syarat bahawa jika nilainya pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai itu melebihi lima juta ringgit dan pelupusan atau pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai

itu diluluskan oleh suatu jawatankuasa yang dilantik oleh Kerajaan maka tarikh pelupusan ialah tarikh kelulusan oleh jawatankuasa itu tanpa mengira apa-apa syarat yang dikenakan kepada kelulusan itu.

(2) Bagi maksud-maksud subseksyen (1), sebutan mengenai suatu jawatankuasa yang dilantik oleh Kerajaan ertinya suatu jawatankuasa yang ditugaskan dengan tanggungjawab untuk merumuskan dasar garis panduan mengenai pelaburan asing dan untuk mengawalselia pemerolehan aset, percantuman dan pengambilalihan syarikat dan perniagaan.”

30. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan angka “10” dalam Jadual 1 dengan angka “2”. Pindaan Jadual 1.

## BAB V

### PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA DUTI SEWA FILEM SINEMATOGRAF 1965

31. Peruntukan-peruntukan Bab ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 24hb Oktober 1986. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Duti Sewa Filem Sinematograf 1965.
32. Akta Duti Sewa Filem Sinematograf 1965, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, adalah dipinda dengan memotong tafsiran “charge for admission” dalam seksyen 2. Pindaan seksyen 2. 45/65.
33. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 13. Pindaan seksyen 13.
34. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong tanda dan angka “, 13 (2)” dalam seksyen 20. Pindaan seksyen 20.
35. Jadual kepada Akta ibu adalah dipinda dengan memotong kaedah 12. Pindaan Jadual.

BAB VI

PINDAAN-PINDAAN KEPADA ORDINAN SETEM 1949

Mula  
berkuat-  
kuasanya  
pindaan-  
pindaan  
kepada  
Ordinan  
Setem 1949.

36. Peruntukan-peruntukan Bab ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 24hb Oktober 1986.

Pindaan  
seksyen 15.  
59/49.

37. Seksyen 15 Ordinan Setem 1949 adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “the scheme is in compliance with Government policy on capital participation in industry and” dalam subseksyen (1);
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan “or liquidation,” dalam subseksyen (5) (b); dan
- (c) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “in consequence of reconstruction, amalgamation” dalam subseksyen (5) (b) perkataan-perkataan “, liquidation or in compliance with Government policy on capital participation in industry”.

BAB VII

PINDAAN-PINDAAN KEPADA ORDINAN SETEM (SABAH)

Mula  
berkuat-  
kuasanya  
pindaan-  
pindaan  
kepada  
Ordinan  
Setem  
(Sabah).

38. Peruntukan-peruntukan Bab ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 24hb Oktober 1986.

Pindaan  
seksyen 15.  
Bab 137.

39. Seksyen 15 Ordinan Setem (Sabah) adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “the scheme is in compliance with Government policy on capital participation in industry and” dalam subseksyen (1);

- (b) dengan memotong perkataan-perkataan "or liquidation," dalam subseksyen (5) (b); dan
- (c) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "in consequence of reconstruction, amalgamation" dalam subseksyen (5) (b) perkataan-perkataan " , liquidation or in compliance with Government policy on capital participation in industry".

### BAB VIII

#### PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI JUALAN 1972

40. Peruntukan-peruntukan Bab ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 24hb Oktober 1986.

Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Jualan 1972.

41. Seksyen 7 Akta Cukai Jualan 1972, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan memotong subseksyen (3).

Pindaan seksyen 7. Akta 64.

42. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "sa-bagaimana cukai itu tetap akan kena di-bayar jika perintah itu tidak di-buat, atau pengecualian itu tidak di-beri, atau pemulangan-balek itu tidak di-arahkan" dalam seksyen 11 dengan perkataan-perkataan "dan mana-mana orang yang di-jumpai memiliki barang-barang itu, atau orang yang kepadanya pengecualian itu telah diberikan, atau pulangan balik telah diarahkan, hendaklah bersesama dan berasingan kena membayar cukai jualan itu".

Pindaan seksyen 11.

43. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 13.

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan "atau mana-mana orang yang menjalankan urusan" selepas perkataan-perkataan "Mana<sup>2</sup> pengilang" dalam subseksyen (2); dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "hendak-lah mengeluarkan suatu lesen" selepas perkataan-perkataan "Ketua Pengarah" dalam

subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "boleh mengarahkan supaya suatu lesen dikeluarkan".

Pindaan  
seksyen 24.

44. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "jumlah itu maseh belum di-bayar" dalam seksyen 24 perkataan-perkataan "hingga ke maksimumnya sebanyak lima puluh peratus".

Pindaan  
seksyen 30.

45. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 30 dengan seksyen 30 baru yang berikut :

"Pembayaran cukai jualan yang terkurang dibayar atau yang dipulangkan balik dengan salah.

30. (1) Jika—

- (a) keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada cukai jualan atau lain-lain wang yang kena dibayar di bawah Akta ini belum lagi dibayar; atau
- (b) keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada apa-apa cukai jualan atau lain-lain wang, setelah dibayar, telah dipulangkan balik dengan salah,

maka, dengan syarat tuntutan dibuat dalam masa tiga tahun dari tarikh cukai jualan atau lain-lain wang itu kena dibayar, atau cukai jualan terkurang atau lain-lain wang telah dibayar, atau pulangan balik telah dibuat, mengikut mana yang berkenaan, orang yang bertanggungjawab membayar cukai jualan atau lain-lain wang itu atau orang yang kepadanya pulangan balik itu telah dibuat dengan salah, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah membayar kekurangan atau membayar balik amaun yang dibayar kepadanya berlebihan itu, dan tanpa menjejaskan apa-apa remedi lain untuk mendapatkan balik amaun yang kena dibayar, apa-apa barang kepunyaan orang itu yang mungkin berada dalam kawalan Eksais atau Kastam atau di suatu tempat atau tempat-tempat yang dinyatakan dalam lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 13 bolehlah disita sehingga cukai jualan atau kekurangan itu dibayar atau pulangan balik itu dibayar balik, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Kiranya cukai jualan atau lain-lain wang atau kekurangan, atau pulangan balik itu yang patut dibayar balik masih belum dibayar, mengikut mana yang berkenaan, Ketua Pengarah boleh selepas memberi tidak kurang daripada 30 hari notis bertulis kepada pemunya atau ejennya (jika nama dan alamat pemunya atau ejen itu diketahui olehnya) atau selepas notis sepatutnya dalam *Warta* (jika nama dan alamat pemunya atau ejen tidak diketahui olehnya) menjualkan barang itu.

(3) Hasil dari jualan mana-mana barang itu hendaklah digunakan untuk membayar cukai jualan dan lain-lain wang atau mendapatkan kembali amaun-amaun yang kena dibayar atau lain-lain bayaran yang mungkin kena dibayar berkenaan dengan penjualan barang itu, dan lebihannya jika ada, hendaklah dibayar kepada pemunya barang itu dan jika pemunya tidak dapat dikesani dalam tempoh satu bulan dari jualan itu, maka lebihan itu hendaklah dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan.

(4) Jika semasa jualan mana-mana barang itu tiada apa-apa tawaran yang mencukupi didapatkan untuk mengganti bayar cukai jualan itu, apa-apa wang lain yang kena dibayar atau cukai jualan terkurang atau lain-lain wang telah dibayar atau pulangan balik telah dibuat, mengikut mana yang berkenaan, maka barang itu terlucuthaklah kepada Kerajaan dan hendaklah dilupuskan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(5) Tiap-tiap jualan lelong di bawah seksyen ini hendaklah dijalankan oleh atau di hadapan seorang pegawai kanan cukai jualan.”

BAB IX

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PERKHIDMATAN  
1975

Mula  
berkuat-  
kuasanya  
pindaan  
kepada  
Akta Cukai  
Perkhid-  
matan 1975.

**46.** Peruntukan-peruntukan Bab ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 24hb Oktober 1986.

Pindaan  
seksyen  
16 (b).  
Akta 151.

**47.** Seksyen 16 Akta Cukai Perkhidmatan 1975 adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "dalam tempoh mana amaun itu tinggal tidak dibayar" dalam perenggan (b) perkataan-perkataan "sehingga penalti maksimum sebanyak lima puluh peratus".